

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/922366/nisbah-jantina-rakyat-malaysia-110-lelaki-berbanding-100-wanita>

Jumlah penduduk warga emas meningkat

SHAH ALAM: Kumpulan penduduk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas direkodkan sebanyak 3.4 juta atau 10.4 peratus daripada keseluruhan penduduk dalam rekod Banci Malaysia 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah itu meningkat berbanding pada tahun 2010 yang mencatatkan 2.2 juta penduduk atau 8 peratus.

"Umur muda telah menunjukkan penurunan daripada 27.6 peratus pada 2010 kepada 24.0 peratus pada 2020.

"Penemuan Banci 2020 akan dijadikan tanda aras baharu untuk kerajaan menggariskan dasar yang berkaitan dalam pembangunan kesejahteraan rakyat.

"Selain itu, akan dapat memberikan input yang menyeluruh dalam pelaksanaan dasar sedia ada seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Agenda 2030 Pembangunan Mampan (SDGs)," katanya pada Majlis pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020, hari ini.



Datuk Seri Ismail Yaakob (tengah) bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed (kanan), dan Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, pada Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan Forum Banci Malaysia 2020 anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia di Dewan Canselor, Management & Science University (MSU), Shah Alam. - NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali